



Syarat dan Peraturan Pertandingan Kreatif Sains dan Matematik Kebangsaan 2011.



Institut Terjemahan Negara Malaysia



1. Penyertaan terbuka kepada semua pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh Malaysia.
2. Setiap penyertaan hendaklah terdiri daripada seorang atau sekumpulan dengan maksimum empat orang.
3. Penyertaan hendaklah dalam bahasa Melayu sepenuhnya.
4. Setiap penyertaan hendaklah dalam durasi minimum lima (5) minit dan maksimum tujuh (7) minit.
5. Rakaman boleh dibuat dalam apa juga medium yang sesuai dan jelas untuk proses pengadilan. Contoh: Rakaman menggunakan kamera video, kamera digital (mod video), telefon bimbit atau komputer.
6. Setiap rakaman hendaklah dimuat naik ke laman www.youtube.com dan dipautkan ke laman *Facebook* ITNM di www.facebook.com/klikITNM.
7. Setiap penyertaan hendaklah disertakan dengan salinan skrip, lengkap dengan senarai buku yang digunakan sebagai rujukan dalam menghasilkan rakaman.
8. Setiap skrip perlu menggunakan minimum tiga buku daripada mana-mana koleksi 100 judul buku Sains dan Matematik terjemahan ITNM (sila layari laman web ITNM di www.itnm.com.my untuk merujuk katalog khas).
9. Setiap penyertaan akan dinilai berdasarkan kandungan sains dan matematik (berkaitan dengan buku), penyampaian yang kreatif dan konsep yang sesuai.
10. Setiap penyertaan hendaklah menggunakan borang penyertaan yang dimuat turun dari laman web ITNM.
11. Borang penyertaan dan setiap rakaman hendaklah disahkan oleh pengetua/guru besar sekolah lengkap dengan cap rasmi.
12. Borang yang tidak lengkap, tidak jelas dan tidak memenuhi syarat dan peraturan akan terbatal secara automatik.
13. Setiap kumpulan boleh menghantar seberapa banyak penyertaan. Bagaimanapun, setiap penyertaan mestilah menggunakan buku yang berbeza.
14. Setiap peserta tertakluk kepada syarat dan peraturan serta keputusan pihak penganjur.
15. Pihak penganjur berhak menggunakan gambar, nama, alamat, rakaman, dokumen, temu bual dan sebarang bentuk maklumat tentang peserta dan pemenang untuk tujuan pengiklanan, promosi dan terbitan dari semasa ke semasa.
16. Keputusan pihak penganjur adalah muktamad dan segala surat-menyurat tidak akan dilayan. Bukti penghantaran bukanlah bukti penerimaan.
17. Hadiah yang ditetapkan tidak boleh ditukar ganti dan segala urusan berkaitan selepas penerimaan hadiah adalah tertakluk kepada pemenang.
18. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **15 Jun 2011**.